



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
BAGI MAJIKAN**

**PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA
ASING MENGGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN**

2021

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada majikan berkenaan pelaksanaan Program Saringan COVID-19 bagi pekerja asing menggunakan kaedah RTK Antigen.

2. LATAR BELAKANG PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO

- 2.1 Kerajaan telah mengarahkan saringan COVID-19 untuk pekerja asing bermula 1 Disember 2020. Untuk tujuan tersebut PERKESO telah melaksanakan Program Saringan COVID-19 bagi pekerja asing bermula dengan mereka yang bekerja di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah yang telah diisytiharkan sebagai kawasan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 di seluruh negara, Kerajaan telah mengisytiharkan semula Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara pada 13 Januari 2021 dan telah mengumumkan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai) pada 18 Januari 2021 yang juga merangkumi strategi saringan kesihatan pekerja. Sehubungan itu, PERKESO telah memperluaskan Program Saringan COVID-19 ini ke seluruh negara bermula 2 Februari 2021.
- 2.2 Program saringan COVID-19 ke atas pekerja asing dilaksanakan sebagai usaha membantu kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 khususnya di kalangan pekerja asing. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan penilaian risiko jangkitan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang mendapati risiko jangkitan di kalangan pekerja asing yang lebih tinggi berbanding pekerja tempatan.
- 2.3 Program saringan pekerja asing ini selari dengan kehendak Seksyen 10 di dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit

Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 9) 2020 yang telah diwartakan pada 31 Disember 2020. Antara kehendak peraturan-peraturan berkenaan adalah:

- a. Majikan perlu memastikan pekerja asing menjalani ujian saringan COVID-19 sekiranya diarahkan oleh pihak berkuasa.
- b. Majikan hendaklah menanggung fi, kos dan caj bagi ujian saringan COVID-19.
- c. Peraturan ini hanya terpakai bagi pekerja asing yang memegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) sahaja.
- d. Ekspatriat adalah terkecuali daripada peraturan ini. Walau bagaimanapun, ekspatriat masih boleh menjalani saringan di bawah Program ini.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- 3.1 Semua pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO di seluruh negara.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Ujian saringan bagi Program Saringan COVID-19 bagi pekerja asing dijalankan secara berjadual dan berperingkat dengan memberi tumpuan kepada daerah-daerah dan negeri yang berisiko tinggi, mulai 1 Disember 2020. Berikut adalah jadual pelaksanaan ujian saringan secara berkala:
 - a. Daerah Klang dan Seremban bermula pada 1 Disember 2020;
 - b. Lain-lain daerah zon merah di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bermula pada 9 Disember 2020;

- c. Seluruh Negeri Sabah, WP Labuan dan lain-lain daerah di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan bermula pada 16 Disember 2020.
 - d. Seluruh negara bermula pada 2 Februari 2021.
- 4.2 Ujian saringan ini dijalankan dengan kerjasama klinik dan hospital swasta secara berjadual dan berperingkat dengan menggunakan kaedah RTK Antigen yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO dan majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital. Bagi pekerja asing yang bukan pencarum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.
- 4.3 Bagi mengelakkan kesesakan semasa saringan, majikan perlu menghubungi klinik atau hospital untuk menetapkan tarikh dan masa saringan. Direktori klinik/hospital panel boleh dirujuk di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Saringan boleh dijalankan sama ada di premis majikan atau di klinik/hospital dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh PERKESO.
- 4.4 Majikan boleh berunding dengan klinik atau hospital bagi menetapkan harga perkhidmatan yang perlu ditanggung oleh majikan.
- 4.5 Rujuk carta alir di bawah untuk panduan.

PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING MENGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN (RUJUKAN MAJIKAN)

